

# PEMERIKSAAN KESELAMATAN SEMPENA BULAN KESELAMATAN PANGKALAN UDARA GONG KEDAK

[airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/4875-pemeriksaan-keselamatan-sempena-bulan-keselamatan-pangkalan-udara-gong-kedak-2](http://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/4875-pemeriksaan-keselamatan-sempena-bulan-keselamatan-pangkalan-udara-gong-kedak-2)

GONG KEDAK, 22 Apr 19 - Pangkalan Udara Gong Kedak iaitu Skuadron Provos Pangkalan telah melaksanakan Pemeriksaan Keselamatan Sempena Bulan Keselamatan Peringkat Pangkalan kepada setiap individu, anggota serta orang awam dilaluan masuk dan keluar Pangkalan. Pemeriksaan Keselamatan yang diketuai SSM Provos Pangkalan, PW U I Norhafizi bin Mohamed bersama 20 anggota Provos turut terlibat semasa pemeriksaan dijalankan.

Antara kawasan pemeriksaan dijalankan adalah di MGR 1, MGR 2, Pos AMQ dan Pos 1 yang merangkumi pemeriksaan lesen memandu, cukai jalan, My-Tentera/Kad Pengenalan, K-Pas dan Pelekat Kenderaan bagi memastikan anggota dan kakitangan awam Pangkalan supaya mempunyai sikap integriti serta mematuhi undang-undang keselamatan di dalam Pangkalan.



DSC 0217

DSC 0235

DSC 0251

